THE TITAN

3 JULAI 2022 | BIL: 14
www.richworks.com

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

*Industry View*
TIK TOK
PLATFORM
TERBAIK JANA
PENDAPATAN

# CAROL

MASTER
STOKIS
RAIH JUTAAN
RINGGIT

# JURURAWAT KORBAN KERJAYA DEMI CAHAYA MATA

## KEBEBASAN KEWANGAN

Beliau bukan seorang pengasas produk, tetapi bekas jururawat yang mengorbankan kerjaya demi cahaya mata yang dikasihi.

Tan Hwi Ling atau lebih mesra dengan panggilan Carol mengambil keputusan itu selepas ibu mertuanya jatuh dan mengalami kecederaan patah kaki sekali gus menyebabkan tidak dapat menjaga anaknya ketika bekerja.

Sejak insiden itu, beliau terpaksa bergantung hidup kepada sang suami untuk keperluan peribadinya dan tidak lagi bebas berbelanja seperti dulu.

Perasaan membuak-buak untuk membantu suami yang mengemudi bahtera rumah tangga, Carol nekad untuk terjun ke dunia perniagaan secara dalam talian.

"Saya mahu ibu lihat saya walaupun menjadi suri rumah, tetapi saya masih boleh memiliki pendapatan sendiri, masih mampu berniaga. Pada masa sama saya boleh jaga anak dan dapat merasai kebebasan kewangan dalam perniagaan," ujarnya.

## JUAL PRODUK ORANG

Carol mula berniaga secara dalam talian dengan menjadi ejen produk kecantikan Cellglo sehingga bergelar jutawan.

"Saya tak ada produk sendiri hanya jual produk orang. Saya tak ada pekerja, tak ada pasukan, bekerja dari rumah. Saya bukan pengasas," katanya.

Sebelum ini, Carol cuba menjual pelbagai produk secara dalam talian tetapi gagal.

"Dulu saya cuba macam-macam perniagaan dalam talian. Tapi tak berjaya, bagaimanapun saya tetap teruskan kerana saya percaya saya wanita yang boleh berjaya suatu hari nanti.

"Sebagai wanita, kita tidak boleh semudah itu melepaskan impian kita walaupun telah berkorban melepaskan kerjaya sendiri demi rumah tangga," tegas beliau.

## TERINSPIRASI JUAL BERTIH JAGUNG JADI JUTAWAN

Apa yang membanggakan Carol, beliau berjaya mendaki anak tangga satu demi satu, sehingga bergelar Master Stokis kepada produk berkenaan.

Namun, sejak menjadi Master Stokis, perjalanan perniagaan itu bukan satu perkara yang mudah.

Sehubungan itu, Carol mengambil keputusan mengikuti program anjuran RichWorks dengan bimbingan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman.

"Saya mula ikuti Dr Azizan sejak 2019. Saya sertai program Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK).

"Program itu memberi saya kekuatan dalaman yang mendorong saya untuk terus berjuang. Ternyata IMKK berjaya ubah cara saya berfikir. Mentor amat penting untuk memastikan apa yang kita lakukan adalah betul," tegasnya.

Walaupun ketika itu, Carol terpaksa duduk di belakang, tetapi apa yang penting ialah ilmu perniagaan yang dipelajarinya.

"Dari situ saya memulakan perjalanan saya, membina impian dan perniagaan saya sendiri.

**SAYA RASA PERKARA INI YANG MENAKJUBKAN BILA DIBIMBING DR. AZIZAN. BELIAU BENTUK SAYA DARIPADA SEORANG SURI RUMAH KEPADA USAHAWAN BERJAYA. WALAUPUN SAYA BUKAN PENGASAS PRODUK INI TETAPI SAYA RASA MACAM PENGASASNYA SENDIRI.”**

“Pernah terdetik di fikiran saya, kenapa orang jual bertih jagung boleh capai juta-juta macam itu,” kata Carol yang menyaksikan sendiri kisah kejayaan orang lain.

Akhirnya, Carol mengambil keputusan menyertai program Mentorship Spire.

“Dulu saya tiada impian, kehidupan saya sentiasa ada pasang dan surut, tetapi sejak ada circle, ada galakan daripada Dr Azizan yang selalu bagi kata-kata semangat, saya mula lebih mengenal erti kerohanian dan kehidupan,” katanya lagi.

## TINDAKAN ‘GILA’

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan ramai usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) gulung tikar tetapi tidak bagi Carols THL Beauty.

Ketika PKP pada 2021 beliau membuat keputusan berani untuk membuka pejabat meskipun hanya sebagai 'master' stokis bagi produk kecantikan Cellglo kerana persekitaran tidak kondusif untuk terus bekerja dari rumah.

"Tindakan 'gila' ini bermula bila mentor saya, Dr Azizan meminta saya untuk membuka pejabat. Saya ikutkan sahaja permintaannya itu dan apabila pejabat dibuka saya nampak keadaan bertukar menjadi lebih baik.

"Tindakan itu juga membolehkan saya mendapat pekerja yang baik malah bisnes mula berkembang pantas," katanya.

Carol menambah, pada awalnya tindakan untuk membuka pejabat sewaktu PKP dilihatnya seperti tidak masuk akal.

Namun beliau tetap yakin dengan bimbingan RichWorks dan Dr Azizan yang telah terbukti berhasil.

"Saya rasa perkara ini yang menakjubkan bila dibimbing Dr Azizan. Beliau bentuk saya daripada seorang suri rumah kepada usahawan berjaya. Walaupun saya bukan pengasas produk ini tetapi saya rasa macam pengasasnya sendiri," jelasnya.

## PENCAPAIAN

Beliau yang kini memiliki syarikat sendiri, Carols THL Beauty, sudah mampu menjana pendapatan yang lumayan dan memiliki kakitangan serta laman sesawang sendiri.

Pada tahun 2021, pasukan Carol yang terdiri daripada 150 ejen telah meraih jualan sebanyak RM8 juta berbanding RM 2.8 juta pada 2020.

Berkat kesungguhan dan bimbingan mentor, pada tahun sama Carol terpilih menerima anugerah Golden Phoenix yang mengiktiraf kejayaan usahawan wanita di dunia.

"Anugerah ini pada tahun lalu hanya empat orang sahaja yang dapat, semua orang lain adalah pengasas produk saya seorang sahaja master stokis daripada produk Cellglo naik atas pentas. Golden Phoenix adalah anugerah untuk wanita yang berniaga dan berjaya," katanya lagi.

Terus melakar kejayaan, pada 2022 Carol menerima The 10th International Prestige Brand Award 2022-Entrepreneur Of The Year Awards in Online Sales Coach.

# 4 TITAN NASIHAT CAROL

1 **PERTAMA,** perlu mendapat ilmu perniagaan yang betul.

"Belajar daripada seorang mentor yang bagus adalah jauh lebih baik berbanding kita terpaksa bekerja keras berniaga selama 10 tahun.

"Untuk berniaga, seseorang itu amat memerlukan mentor dan sikap agresif juga perlu ditanam ke dalam diri," tegasnya.

2 **KEDUA,** sikap kepimpinan perlu ada dalam dirinya jika berhajat menjadi peneraju.

"Memiliki pekerja sendiri bukanlah satu perkara mudah kerana beliau sedar sikap kepimpinan perlu ada dalam diri," katanya.

3 **KETIGA,** sediakan payung sebelum hujan

"Bagi wanita yang berkahwin, mencari reda suami itu amat penting. Tetapi bersediakah anda jika kehilangan tempat bergantung? Alangkah eloknya jika anda mampu menyediakan tempat perteduhan, sebelum ribut melanda," jelas Carol.

4 **KEEMPAT,** capai impian sehingga jadi realiti

"Sebagai wanita, kita tidak boleh semudah itu melepaskan impian kita walaupun telah berkorban melepaskan kerjaya sendiri demi rumah tangga," ujarnya.

# TIKTOK

## PLATFORM TERBAIK JANA PENDAPATAN

Aplikasi TikTok kini boleh dikatakan menjadi aplikasi wajib ada dalam telefon pintar masing-masing. Jika dahulunya masyarakat gemar melayari Facebook atau Instagram, kini tumpuan beralih arah pula kepada TikTok.

Secara lazimnya, seseorang itu boleh menghabiskan berjam-jam lamanya terutama generasi muda di aplikasi tersebut. Oh, memang melekakan!

Bukan hanya sekadar suka-suka, aplikasi yang berasal dari China yang pada mulanya dikenali dengan nama Douyin ini sebenarnya boleh membantu anda menjana pendapatan juga jika anda bijak menggunakannya. Tidak rumit, di sini ada beberapa langkah mudah untuk anda menggunakan platform ini:

## 1. BINA JENAMA SENDIRI

Pertama sekali, anda haruslah konsisten menghasilkan kandungan dan membina jenama sendiri. Jenama atau branding yang kuat akan membuatkan anda dikenali ramai dengan mudah.

Dalam bidang pemasaran, jenama yang boleh diingati adalah asas kepada mana-mana perniagaan yang boleh menghasilkan wang.

## 2. TAHU KANDUNGAN YANG DISUKAI RAMAI

Jangan hasilkan video syok sendiri! Ketahuilah kandungan video apa yang terbaharu, hangat dan digemari ramai. Cipta kandungan menarik yang boleh diterima ramai tanpa perlu membuat perubahan penjenamaan.

## 3. TAMBAH PENGIKUT AKAUN

Ini adalah langkah yang penting. Bagi mendapatkan wang daripada TikTok, anda mesti mempunyai pengikut yang ramai. Jika anda ingin wang masuk ke akaun TikTok anda, mesti mempunyai sekurang-kurangnya 10,000 pengikut. Fahami pasaran sasaran anda dan muat naik kandungan berkualiti untuk meningkatkan pengikut anda secara organik.

## 4. JUAL BARANG YANG MENARIK

Jika anda mempunyai bilangan pengikut yang cukup besar, maka anda juga boleh menjana pendapatan dengan menjual barangan dengan reka bentuk yang unik dan menarik. Dengan wujudnya TikTok Shop, maka lebih mudahlah untuk warganet terus membelinya di situ.

## 5. MELAKUKAN LIVE DAN MENGUMPUL VIRTUAL GIFT

Melakukan live menerusi aplikasi TikTok adalah salah satu cara yang berkesan untuk menjana wang memandangkan langkah ini membenarkan kita untuk mengumpul virtual gift daripada para pengikut. Pemilik akaun kemudiannya dapat menukarkan virtual gift ini kepada mata wang yang sebenar.

Antara perkara yang wajar diberi perhatian sebelum memulakan live:

- Memilih waktu di mana sebahagian besar pengikut sedang online untuk mendapatkan jumlah penonton yang ramai.
- Menganalisa statistik dan kumpulan penonton menggunakan fungsi Analytics.




- Menetapkan durasi yang lama untuk video live.
- Meletakkan tanda pagar atau hashtag yang umum dan berkaitan dengan content.
- Memastikan sambungan internet berada dalam keadaan yang stabil.
- Memastikan tiada urusan teknikal yang berpotensi untuk mengganggu siaran langsung.
- Menggunakan filter yang membisukan pengguna yang meninggalkan komen-komen buruk.

## 6. MEMBUAT IKLAN MELALUI TIKTOK ADS

Apabila jumlah pengikut anda sudah mencapai lebih daripada 10,000, maka langkah efektif untuk menjana pendapatan adalah dengan memanfaatkan TikTok Ads. Fungsi Tiktok Ads adalah untuk membenarkan para pembuat konten monetize akaun mereka dan meluaskan lagi peluang untuk mendapatkan wang. Selain itu, dengan menggunakan TikTok Ads, anda juga dapat mengembangkan potensi konten dalam mencapai lebih ramai penonton.

## 7. MENGUMPUL DANA ATAU CROWDFUNDING

Pengumpulan dana kebiasaannya dibuat atas tujuan tertentu seperti misi bencana banjir ataupun projek pembangunan fasiliti seperti surau di kawasan yang kurang membangun. Dengan melakukan pengumpulan dana di TikTok, interaksi antara pengikut akan meningkat secara tidak langsung di samping meningkatkan kesedaran dan semangat kebersamaan dalam kalangan pengguna media sosial.

## 8. MEMBUAT KANDUNGAN PENAJAAN

Membuat kandungan (content) penajaan dianggap sebagai salah satu cara yang paling berkesan untuk menjana wang di aplikasi TikTok terutamanya jika anda mempunyai jumlah pengikut yang ramai. Pemilik akaun dapat menjalankan kerjasama dengan pihak penaja yang sesuai dengan jenis kandungan yang biasa dipaparkan. Sebagai contoh, pembuat kandungan kecantikan boleh cuba mendapatkan penaja daripada syarikat-syarikat kosmetik yang ternama bagi meningkatkan kepercayaan para pengikut.

## 9. MENJADI TIKTOK INFLUENCER

Untuk dianggap sebagai seorang influencer ataupun pempengaruh yang berkualiti, ada beberapa kriteria yang perlu dicapai:

- Menjadi duta produk
- Mendapatkan tajaan untuk content
- Bekerjasama untuk melakukan pemasaran dengan pihak yang berkaitan
- Mengiklankan jenama atau kempen

## 10. MEMBAWA PENGIKUT KE PLATFORM LAIN

Memasukkan pautan yang membawa pengikut ke platform atau laman web yang lain juga boleh dijadikan sebagai cara untuk mendapatkan wang melalui TikTok.

Sebagai contoh, membuat kandungan di Instagram dan seterusnya meletakkan pautan kandungan tersebut pada video yang dimuatnaik di TikTok. Dengan cara ini, anda dapat menambah bilangan pengikut dipelbagai aplikasi media sosial dan seterusnya mengukuhkan kedudukan anda sebagai seorang influencer.

## 11. MELAKUKAN PROMOSI MUZIK

Sekiranya anda merupakan seorang ahli muzik seperti penyanyi ataupun produser, maka ini adalah cara yang sangat efektif. Pada zaman kini, kita dapat menyaksikan ramai penyanyi yang menempa nama dengan menggunakan kemudahan media sosial.

TikTok adalah salah satu aplikasi yang sangat sesuai untuk tujuan berkenaan memandangkan aplikasi ini membenarkan pengguna memuat naik video pendek dengan langkah yang sangat mudah.

Sekiranya anda aktif memuat naik video nyanyian anda, ia semestinya akan membuatkan penonton berasa tertunggu-tunggu untuk video yang akan datang.

RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# Business Evaluation Success Transformation

# best

**Setiap Sabtu & Ahad | 10 pagi - 12 tengah hari**

## Bagaimana tingkatkan SALES dengan pantas?

*SPEAKER*

**Nasrul Hadi**

Chartered Accountant
FCMA, CGMA, C.A.(M)

**Lokasi: Pejabat RichWorks, RichQ, Shah Alam**

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM

# BUSINESS METAMORPHOSIS BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih 350 Usahawan Jutawan Pada Tahun 2020-2021.**

Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

***5-7 OGOS 2022***

**DAFTAR SEKARANG!**

richworks.com/bmb

14 YEARS of Excellence

RICHWORKS™

# 10X BINA BISNES BERJAYA 2022

***BAKAL DIBAWAKAN KHAS BUAT BANGSA USAHAWAN OKTOBER INI!***

Perkukuhkan bisnes ANDA
mendepani cabaran masa ini

Jadi bangsa usahawan terawal
dapatkan tempat & maklumat terkini -
program-program keusahawanan
RichWorks dalam menyokong ANDA.

Prapendaftaran
dengan imbas
kod QR tertera atau layari
**www.binabisnesberjaya.com**
sekarang!

*E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN*

RICHWORKS™

# THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.